

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 1/1982**

=====

PENGHANTARAN DAN PENGAMBILAN BALIK FAIL DARIPADA DAERAH

Pada masa lampau didapati penghantaran dan pengambilan balik fail telah diperbuat dengan berbaga-bagai cara dan tidak pula ditetapkan hari-hari tertentu di dalam sesuatu minggu. Kadangkala terdapat banyak fail-fail yang telah selesai perjalanan tersimpan di Pejabat ini sehingga berbulan lamanya dan tidak diambil balik oleh pihak pejabat tanah dan daerah.

Cara-cara penghantaran fail itu pula telah diuruskan dengan cara agak tidak begitu sempurna, samada dibubuh dalam sampul besar atau dibungkuskan dan kadang-kadang dengan secara terbuka sahaja. Oleh yang demikian, keselamatan fail yang berkenaan telah tidak terjamin.

Demi untuk menjaga keselamatan fail-fail dalam perjalanannya dan juga melicinkan pergerakan fail-fail daripada daerah supaya dapat diuruskan dengan lebih teratur penghantarannya hendaklah diperbuat mengikut jadual yang tertentu.

Mulai daripada 15.1.1982 ini, semua daerah adalah dikehendaki mengikut peraturan dan jadual-jadual yang telah ditetapkan seperti di bawah in:-

<u>Hari</u>	<u>Daerah</u>
Isnin	: Hulu Langat, Hulu Selangor dan Sepang;
Rabu	: Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Kuala Langat;
Jumaat	: Kelang, Gombak dan Petaling.

Sayugia diingatkan, tiap-tiap daerah apabila menghantar pegawai-pegawai atau kakitangan yang telah dipertugaskan untuk menghantar fail-fail ke pejabat ini selanjutnya bolehlah pula mengambil fail-fail yang telah selesai perjalanannya itu untuk dibawa balik ke daerah.

Bagi maksud keselamatan fail, pejabat ini telahpun menyediakan satu canvas bag dan brief case bagi kegunaan tiap-tiap daerah. Kedua-kedua canvas bag dan brief case itu adalah dibekalkan dengan 2 pasang kunci dan anak kunci. Kunci penduanya akan disimpan di pejabat ini untuk kegunaan membuka canvas bag ataupun brief case' yang dihantar daripada daerah yang mana hendaklah dikuncikan terlebih dahulu dan anak kuncinya disimpan oleh pegawai yang dipertugaskan sebelum sebarang kiriman diperbuat.

Tujuan membekalkan sebuah canvas bag dan brief case ke tiap-tiap daerah ialah jika sekiranya agak ada sedikit sahaja fail yang hendak dihantarkan di dalam satu-satu minggu maka bolehlah digunakan brief case yang telah diperbekalkan itu. Sekiranya banyak dan tidak muat diisikan di dalam brief case maka canvas bag yang telah diperbekalkan itu hendaklah digunakan. Elok ditegaskan juga disini canvas bag itu hendaklah juga dikuncikan dengan kunci yang dibekalkan dan anak kuncinya hendaklah disimpan oleh pegawai yang bertanggungjawab di daerah sebelum beg itu dikirimkan ke pejabat ini.

Dengan ini tiap-tiap daerah adalah dikendakki mengaturkan supaya menghantar seorang kakitangan yang bertanggungjawab menyelenggarakan tugas-tugas ini untuk mengambil canvas bag dan brief case yang telah dikhaskan itu serta juga untuk diberi tunjuk ajar cara-cara melipat dan menguncikan canvas bag. Pegawai yang bertanggungjawab itu bolehlah berjumpa dengan Encik Abdul Ghani bin Hamid di pejabat ini, dengan secepat mungkin yang boleh.

Adalah ditegaskan sekali lagi semua daerah adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan dan juga jadual yang telah ditetapkan.

T.T.

(Raja Ahmad Baharuddin Shah Bin Raja Abdul Rashid)
TIMBALAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR